

Banjir makin kerap, makin teruk

Pekan lama Rawang, Kg Sepakat Batu 16 dinaiki air setiap kali hujan

■ NORAFIZA JAFAR

RAWANG - Pekan lama Rawang banjir lagi, malah orang awam mendakwa kejadian yang berlaku kelmarin semakin buruk dan membimbangkan.

Pengguna dari arah Rawang menuju ke Sg Choh tersangkut di pekan lama Rawang apabila kawasan tersebut dinaiki banjir lumpur.

Bagi peniaga di Rawang Walk, Larry Hong, 34, situasi itu biasa di Rawang setiap kali musim hujan.

"Memang dari dulu Rawang selalu kena banjir. Tapi semalam (kelmarin) agak teruk. Trafik juga sesak. Tahun ini saja lebih lima kali air naik, jika hujan lebih dua jam air mesti naik," kata kepada *Sinar Harian*, semalam.

Seorang lagi peniaga, S Nagarajan, 23, berkata, dia menutup kedai lebih awal dari biasa berikutan cuaca hujan.

"Jam 5.30 dah tutup tapi



NAGARAJAN

masa dalam perjalanan balik terperangkap dalam trafik sebab air naik. Air naik kali ini memang luar biasa," katanya.

Sementara itu rumah penduduk di Kg Sepakat Batu 16 turut dinaiki air buat kali ketiga tahun ini.

Seorang penduduk, Abd Aziz Bazid, 60, kecewa apabila nasib penduduk kampung tidak diberi perhatian meskipun pelbagai saluran telah digunakan mengadu.

"Kami dah letih...setiap kali banjir kami buat aduan ke-



ABD AZIZ

mudian ada kerja mengorek sungai tetapi selepas itu senyap. Bila hujan air naik lagi.

"Macam-macam laporan...semuanya sudah dibuat tapi tak ada tindakan," katanya.

JPS jawab isu banjir

Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Gombak mengesahkan Majlis Perbandaran Selayang (MPS) menyiasat punca banjir lumpur di pekan Rawang dan mengenal pasti projek yang menyumbang kepada masalah berkenaan.



Jalan Maxwell turut dinaiki air selepas hujan lebat.

Timbalan Jurutera Daerah JPS, V Kalaiselvam berkata, salah satu projek pembangunan di Rawang Perdana antara yang perlu diberi perhatian.

MPS diminat menyediakan laporan status projek pembangunan di kawasan terbabit sebelum keputusan dibuat.

"Banjir kelmarin antara yang terburuk," katanya.

Bagi projek naik taraf sistem longkang di Pekan Lama Rawang, katanya kerja dijangkau sejak dua minggu lalu kerana proses pengalihan utiliti TNB dan Telekom.

"Naik taraf itu dijangka kurangkan banjir kilat di pekan lama," katanya.

Bagi kejadian di Kg Sepakat Batu 16 katanya, pihaknya da-

lam proses penawaran kontrak kepada kontraktor melibatkan kerja penyelenggaraan dijangka memulakan kerja dalam tempoh dua minggu.

"Penyelenggaraan dibuat dua tahun sekali disebabkan bajet terhad dan Jun lalu baru melakukan kerja mengorek dan mendalamkan sungai di kawasan itu," katanya.